

Berakhirnya tempoh bulan madu

TEMPOH berbulan madu antara Berjasa dengan Barisan Nasional nampaknya telah berakhir kelmarin. Sesungguhnya keputusan Berjasa untuk tidak menyertai BN, seperti kata Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, amatlah dikesali. Jika parti itu bersetuju menjadi anggota komponen BN, seperti yang terbayang sejak ia tertubuh tujuh bulan yang lalu, Berjasa tidak saja boleh memperteguh lagi BN malah lebih menguntungkannya sendiri. Di bawah naungan neraca BN, calon-calon Berjasa mempunyai kemungkinan yang lebih besar untuk berjaya dalam kawasan-kawasan pilihanraya yang mereka tandangi 8 Julai nanti. Selain itu Berjasa juga akan memberi sumbangan terhadap memperteguh lagi perpaduan orang Melayu.

Sebaliknya dengan keputusan kelmarin kemungkinan Berjasa beroleh kejayaan nanti adalah tipis. Memang diakui kejayaan cemerlang Berjasa dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri Kelantan baru-baru ini satu pencapaian yang tinggi, tetapi haruslah juga diingat bahawa kejayaan itu berlaku kerana restu dan kerjasama dari BN. Keputusan Berjasa kelmarin berarti juga menolak restu dan kerjasama tersebut, dan tanpa kerjasama ini harapan Berjasa untuk mengulangi lagi kejayaannya seperti di Kelantan itu hanyalah impian semata-mata. Malah apakah ia benar-benar mempunyai keupayaan yang cukup untuk bertanding "di seluruh negara", seperti ikrarnya selepas keputusan itu dibuat, adalah diragui. Usia tujuh bulan belumlah memadai untuk menyediakan sepenuhnya segala kelengkapan jentera pilihanraya.

Keteguhan BN sendiri sebenarnya tidak akan terjejas tanpa Berjasa. Seperti yang dijelaskan oleh Dr. Mahathir, keputusan Berjasa itu tidak semestinya boleh memecahkan undi orang Melayu kerana BN masih mempunyai waktu yang cukup untuk menerangkan kedudukan sebenarnya kepada pengundi-pengundi. Orang Melayu memang mahukan perubahan nasib tetapi masih percaya bahawa perubahan ini hanya boleh dilakukan oleh kepimpinan yang teguh, bukan oleh yang belum teruji. Setakat ini Berjasa cuma baru dapat menggilap nama tetapi tidak menunjukkan bukti yang boleh menarik kepercayaan orang Melayu.

Perbezaan yang berlaku sekarang adalah perbezaan prinsip. Berjasa ingin mengekalkan kerjasama seperti di Kelantan saja — artinya ia berada di luar BN dan menggunakan simbol partinya sendiri dalam pilihanraya nanti tetapi mendapat sokongan dari BN. Tetapi ini tidak mungkin. BN telah memutuskan bahawa semua anggota komponennya mestilah menggunakan simbol neraca, dan seperti yang ditegaskan oleh Dr. Mahathir keputusan ini tidak boleh dilonggarkan lagi. Permintaan SUPP dari Sarawak untuk menggunakan simbolnya sendiri juga telah ditolak. Kerana itu tidaklah wajar bagi Berjasa menuntut kekecualian.